

27 JAN 1997

Najib-Latihan

UMNO CADANG TUBUH PUSAT LATIHAN KEPIMPINAN

SEREMBAN, 27 Jan (Bernama) -- Sebuah pusat latihan yang bertujuan melatih dan melahirkan lebih banyak anggota barisan pelapis kepimpinan UMNO dijangka ditubuhkan tidak lama lagi, kata Naib Presiden UMNO Datuk Seri Najib Tun Razak.

Katanya, cadangan penubuhan pusat latihan itu telah dipersetujui oleh Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Tertinggi parti yang akan datang.

"Kursus yang dikendalikan oleh pusat latihan itu akan menggunakan kaedah yang seragam serta digubal untuk melatih pemimpin peringkat bahagian dan pusat", kata beliau.

Menteri Pendidikan itu berkata demikian pada majlis berbuka puasa anjuran Badan Perhubungan UMNO Negeri di kediaman rasmi Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad di sini malam tadi.

Katanya, sudah sampai masanya UMNO mempunyai modul latihan yang boleh dijadikan teras kepada gerakan reformasi parti pada masa akan datang terutama apabila negara memasuki alaf baru.

"Jika UMNO mahu mengubah orang lain maka ia juga perlu mengubah sikap dan persepsi anggota parti itu sendiri".

"Konsep reformasi yang hendak diberi penekanan adalah seperti yang ditakrif dan dikehendaki oleh parti, bukan melalui tafsiran yang dibuat secara sendirian oleh anggota parti", katanya.

Menurut Najib, kesinambungan kepimpinan terutama golongan muda harus ditingkatkan terutama dalam menanam kefahaman dan penghayatan terhadap prinsip perjuangan UMNO sejak ia ditubuhkan.

Beliau juga berkata tarikh akhir bayaran yuran keanggotaan parti telah ditetapkan pada 31 Dis mulai tahun depan bagi menyeragamkannya berikutan tarikh yang berbeza-beza sebelum ini. -- BERNAMA

RAB NMO